



Heng Huat Resources Group Berhad
(969678-D)

Tandan kelapa sawit dan sabut kelapa bukanlah sisa-sisa buangan, ia sebenarnya amat bernilai dan mampu menjadi satu produk syarikat yang berjenama di peringkat antarabangsa.

HENG HUAT RESOURCES GROUP BERHAD (HHRGB) memproses tandan kelapa sawit dan sabut kelapa kepada bahan-bahan yang bernilai serta berguna. Proses ini berjaya memaksimumkan sumber-sumber buangan biomass, selaras dengan dasar kerajaan untuk meningkatkan perusahaan hijau di Malaysia.

Sejajar dengan era yang mementingkan kehijauan alam sekitar, HHRGB juga mementingkan konsep menuju ke arah pemeliharaan alam sekitar. Oleh itu, semua anak syarikat kami ditekankan untuk mencapai matlamat tersebut.

HK GUA MUSANG SDN BHD dan HK FIBRE SDN BHD adalah anak syarikat kami yang beroperasi di Kelantan. HK GUA MUSANG SDN BHD yang baru beroperasi tahun lepas menjalankan penghasilan serat daripada tandan kelapa sawit di Gua Musang. Sementara, HK FIBRE SDN BHD pula menghasilkan serat dari sabut kelapa dan telah beroperasi sejak tahun 2007. Kedua-dua syarikat ini merupakan syarikat yang pertama dan satu-satunya syarikat yang menghasilkan serat dari kelapa dan kelapa sawit di Kelantan.



Heng Huat Resources Group Berhad



HK Fibre Sdn Bhd



HK Gua Musang Sdn Bhd

Pada 2nd November 2017, Menteri Besar Kelantan, YAB USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB (SJK. DJMK., JP.) bersama dengan rombongannya telah melawat ke HK GUA MUSANG SDN BHD. Dengan lawatan ini, beliau serta rombongan berpeluang memahami proses dan operasi kilang. Lawatan ini juga memberi keyakinan dan kebanggaan kepada kami sebagai pelabur di negeri tersebut.

Rombongan beliau terdiri dari Timbalan Menteri Besar, YB DATO' HAJI MOHD AMAR BIN NIK ABDULLAH (DJMK. JMK.), Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Perpaduan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan, YB DATO' HAJI ANUAR TAN BIN ABDULLAH (DJMK., JP.), Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Belia dan Sukan, YB DATO' HAJI AB. FATTAH BIN HAJI MAHMOOD (DJMK., JMK.), Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan, YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN ABD. RAHMAN (DJMK., JMK.) and Ketua Jajahan Gua Musang, YM TUAN ZAINAL ABIDIN BIN TUAN YUSOF.

Pelawat-pelawat ini telah diberi sambutan meriah oleh pengarah urusan HHRGB, DATO' H'NG CHOON SENG bersama dengan timbalan pengarah urusan, MR. KEE SWEE LAI serta kakitangan dan pekerja syarikat.



Dalam lawatan tersebut, rombongan MB telah tertarik dengan proses menghasilkan serat dari tandan kelapa sawit. Dahulunya, tandan kelapa sawit dianggap sebagai sisa buangan dan tidak berguna. Tetapi kini, dengan teknologi HHRGB telah berjaya mengkitar semula untuk dijadikan bahan yang bernilai dan berharga.



HHRGB melaburkan sebanyak RM50 juta untuk membina kilang HK GUA MUSANG SDN BHD diatas tanah yang berluasan 10 ekar di Gua Musang, Kelantan. Kilang ini dapat menghasilkan serat dari tandan kelapa sawit sebanyak 10,000 tan sebulan, dan semua hasil ini akan diexport keluar ke China.



Serat kelapa sawit sebenarnya amat berguna, ia boleh menjadi tikar gentian sawit dan briket sawit. Tikar gentian sawit berfungsi untuk mengekalkan kelembapan tanah dan sesuai untuk diguna oleh pekebun atau peladang. Tikar tersebut juga berfungsi menahan hakisan dari hujan dan mengelakan pembiakan tumbuhan yang membawa keburukan kepada tumbuhan yang ditanam oleh pekebun atau peladang. Oleh kerana kawasan operasi yang terhad, HK GUA MUSANG SDN BHD hanya dapat menghasilkan serat kelapa sawit dan tidak dapat menghasilkan produk hiliran yang lain.



Memandangkan penghasilan serat kelapa sawit di Kelantan ini berpotensi besar, Menteri Besar Kelantan, YAB USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB (SJKM, DJMK., JP.) mencadangkan HHRGB menyelesaikan masalah keluasan tanah yang terhad, dan seterusnya mengembangkan industri ini sebagai pusat sehenti untuk produk serat kelapa sawit. HHRGB akan berusaha untuk menyambut seruan ini dan mengembangkan perniagaan ketahap lebih tinggi.




Selain menghasilkan serat kelapa sawit, HHRGB merupakan pengeluar serat dari sabut kelapa melalui anak syarikat HK FIBRE SDN BHD.

HK FIBRE SDN BHD yang didirikan di Bachok, Kelantan sejak 2007 merupakan pengeluar serat dari sabut kelapa yang terbesar di Malaysia. Melalui industri ini, HK FIBRE SDN BHD secara tidak langsung mecetuskan peluang pendapatan kepada penduduk dengan membeli sabut-sabut kelapa dari mereka. Sabut-sabut ini sebelum kewujudan HK FIBRE SDN BHD hanya dibuang atau digunakan sebagai bahan bakar saja.

HK FIBRE SDN BHD berjaya menghasilkan 5000 tan serat kelapa sebulan, di samping itu juga menghasil 10,000 tan gambut kelapa (cocopeat) sebulan. Sejumlah besar serat kelapa ini disalurkan kepada satu lagi anak syarikat yang bernama FIBRE STAR (M) SDN BHD sebagai komponen menghasilkan tilam yang bermutu tinggi.

Penubuhan HK FIBRE SDN BHD dapat sokongan daripada Mantan MENTERI BESAR KELANTAN, DATO' NIK AZIZ NIK MAT dan ADUN TAWANG, YB USTAZ DATO' HAJI HASSAN BIN MOHAMOOD.

Dengan perhubungan yang terjalin begitu lama, HHRGB berusaha untuk memenuhi permintaan kerajaan negeri untuk menubuhkan perusahaan pengeluaran tilam di Bachok, Kelantan.



EFB Fibre

Long
Fibre



Agro-
Mulching



Roll Erosion
Control Mat



Landscaping



Growing
Media



Nursery





- ▲1. Bahan mentah - Sabut kelapa (Coconut husk)
- ▲2. Produk utama - Serat kelapa (Coconut fibre)
- ▲3. Produk nilai tambah - Kepingan serat kelapa (Coconut fibre sheet)
- ▲4. Produk sampingan - Gambut kelapa (Coconut peat)



Produk hiliran - Tilam serat kelapa (Coconut fibre mattress)

